



Jabatan Alam Sekitar · Ikut

15 November · 🌐



MAJLIS ANUGERAH SEKOLAH HIJAU PULAU PINANG (PERINGKAT PULAU)

14 NOVEMBER 2024, GEORGETOWN : JAS Pulau Pinang telah dijemput ke Majlis Anugerah Sekolah Hijau (Peringkat Pulau) dan menerima penghargaan sebagai rakan kolaborasi bagi menjayakan Program Anugerah Sekolah Hijau anjuran MBPP dan Penang Green Council.

Majlis anugerah ini telah diadakan di Balai Rakyat Jalan Patani dan telah disempurnakan oleh YB Tuan H'ng Mooi Lye, EXCO Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa diiringi YBhg. Dato' Ir. Rajendran a/l P. Anthony, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang bersama YBrs. Sr. Cheong Chee Hong, Setiausaha Bandaraya. Barisan Ahli Majlis-Ahli Majlis dan Ketua-ketua jabatan turut menyerikan majlis ini meraikan pencapaian sekolah-sekolah yang menyertai pertandingan ini.

Sebanyak 55 buah sekolah telah mendaftar penyertaan pada tahun ini dan menyaksikan Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Union dan Sekolah Menengah Padang Polo yang telah dinobatkan sebagai Johan mengikut kategori sekolah rendah dan sekolah menengah bagi pertandingan Anugerah Sekolah Hijau 2024 Peringkat Pulau, Pulau Pinang. Masing-masing telah menerima hadiah wang tunai sebanyak RM2,000.00 berserta trofi dan sijil penghargaan.

Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada MBPP atas komitmen dan kolaborasi padu bukan sahaja dalam menjayakan Program Anugerah Sekolah Hijau tetapi juga dalam Program Anugerah Sekolah Lestari Negeri Pulau Pinang.

#NRES

#jabatanalamsekitar

#jaspulaupinang

#alamsekitartanggungjawabbersama

#jasppnovember2024

